

PANDUAN PERMOHONAN PINDAAN BUTIRAN PADA LESEN

APAKAH BUTIRAN PADA LESEN YANG BOLEH DIBUAT PINDAAN?

Terdapat 4 butiran pada lesen yang boleh dibuat pindaan iaitu:

- 1) Nama syarikat atau perniagaan;
 - Jika perubahan nama pada persyarikatan, perlu kemuka Borang 13, Akta Syarikat 1965;
 - Jika pertukaran Sdn. Bhd. kepada Bhd., perlu kemuka Borang 20, Akta Syarikat 1965;
 - Jika pertukaran Bhd. kepada Sdn. Bhd., perlu kemuka Borang 19, Akta Syarikat 1965;
 - Jika perubahan nama pada pendaftaran, perlu kemuka Borang B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; *atau*
 - Lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 2) Nama ahli kongsi atau perseorangan;
 - Jika berlaku pertukaran ahli-ahli kongsi atau pemilikan tunggal dalam pendaftaran perniagaan, perlu kemuka Borang D, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; *atau*
 - Lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 3) Alamat berdaftar; atau
 - Jika perubahan alamat berdaftar pada persyarikatan, perlu kemuka Borang 44, Akta Syarikat 1965;
 - Jika perubahan alamat berdaftar pada pendaftaran, perlu kemuka Borang B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; *atau*
 - Lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 4) Alamat premis perniagaan
 - Pemegang lesen dikehendaki mengemuka sesalinan surat kebenaran menggunakan premis, Perjanjian Jual & Beli, Perjanjian Sewa, Geran tanah atau lain-lain dokumen yang mengesahkan premis boleh diduduki.

JIKA BERLAKU PERUBAHAN MAKLUMAT, APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN?

Pemegang lesen dikehendaki dalam tempoh **21 hari** memberitahu MPOB, apa-apa perubahan dalam persyarikatan atau perniagaan seperti perubahan alamat surat menyurat, perubahan ahli lembaga pengarah, ekuiti dan sebagainya termasuk butiran pada lesen yang dinyatakan seperti di atas.

BAGAIMANA MEMOHON PINDAAN BUTIRAN PADA LESEN?

Setiap permohonan pindaan butiran pada lesen hendaklah disertakan dengan format yang dilampirkan bersama-sama dengan fi sebanyak RM50.00 bagi setiap butiran yang dipinda. Permohonan pindaan butiran adalah melalui laman web <http://e-lesen.mpob.gov.my>

JIKA PL GAGAL MEMAKLUMKAN PERUBAHAN MAKLUMAT, APAKAH TINDAKAN MPOB?

Pemegang lesen yang gagal memaklumkan sebarang perubahan maklumat dalam tempoh **21 hari**, boleh dikenakan **denda** tidak melebihi **RM200,000.00** atau **dipenjarakan** selama tempoh tidak melebihi **3 tahun** atau kedua-duanya sekali.